



Warta DBKIL

DBKIL
PUSK
12/8/2000

ISSN 1511 - 5364 JULAI - OGOS 2000
NASKHAH PERCUMA

KARNIVAL JUALAN MEGA 2000



Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Dato' Kamaruzzaman bin Shariff (kiri) di Majlis Pelancaran Karnival Jualan Mega 2000

Majlis Pelancaran Karnival Jualan Mega 2000 berlangsung di ibu negara telah diadakan secara gilang-gemilang dalam usaha menarik lebih ramai pelancong asing. Pelancaran tersebut dibanjiri oleh kira-kira 20 000 pengunjung yang terdiri daripada warga kota dan pelancong asing, diserikan dengan pelbagai acara menarik. Antaranya ialah pertunjukan fesyen pakaian oleh 100 peragawan dan peragawati, pertunjukan bunga api dan persembahan artis-artis popular tanah air.

Sebanyak lima juta pelancong asing telah berkunjung ke Malaysia sepanjang tempoh enam bulan pertama tahun ini. Jumlah tersebut menunjukkan peningkatan tahunan kehadiran pelancong secara purata sebanyak 49.1% daripada semua pasaran.

Timbalan Perdana Menteri, Malaysia, YAB Dato' Seri Abdullah bin Ahmad Badawi telah melancarkan Karnival Jualan Mega 2000. Turut hadir di majlis tersebut ialah Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, YB Datuk Abdul

Kadir bin Sheikh Fadzir dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Dato' Kamaruzzaman bin Shariff.

Karnival selama satu bulan mulai 5 Ogos hingga 5 September 2000 itu, menyediakan potongan harga yang menarik kepada pengunjung di semua gedung membeli-belah di bandar raya Kuala Lumpur. Karnival Jualan Mega 2000 bakal meletakkan negara sebagai salah satu destinasi utama

KHABAR SEMASA

<i>Kawalan Mutu Air Di Kuala Lumpur</i>	8
<i>Jangan Letak Kenderaan di Tempat Larangan</i>	11
<i>Elakkan Kekeliruan</i>	24
<i>Perhentian Teksi Moden</i>	26

WARTA MENARIK

- *Buku Penerangan -Passport To Kuala Lumpur 2000-*
- *Sebahagian Sampah Boleh Dikitar Semula*
- *Hiburan Hujung Minggu Jadi Tarikan Pelancong*



BUKU PENERANGAN -PASSPORT TO KUALA LUMPUR 2000-

Jumlah kemasukan pelancong asing ke ibu kota Kuala Lumpur menunjukkan peningkatan dalam tempoh enam bulan pertama tahun 2000 ini. Tahun 1999, bandar raya Kuala Lumpur mencatatkan ketibaan 7.93 juta pelancong asing walaupun terdapat kemerosotan sewaktu kemelesetan ekonomi antara tahun 1997 dan 1998.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Dato' Kamaruzzaman bin Shariff, berkata kawasan sekitar Chow Kit, Jalan Tuanku Abdul Rahman dan Jalan Tun Ismail akan dibersihkan untuk dijadikan kawasan tarikan pelancong. Ini sekaligus menghapuskan pusat penagihan dadah dan mengemis.

"Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan bekerjasama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Jabatan Imigresen bagi

menjalankan operasi pembersihan besar-besaran menubuhkan dan membasmi penagih dan pengemis yang kebanyakannya pendatang

asing," ujar Datuk Bandar Kuala Lumpur dalam persidangan akhbar selepas melancarkan Buku Penerangan *Passport to Kuala Lumpur 2000* di Bangunan DBKL baru-baru ini.

Passport to Kuala Lumpur 2000 diletakkan di tempat utama iaitu Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, rangkaian bas persiaran, stesen kereta api dan hotel untuk memudahkan pelancong mendapatkan maklumat mengenai pelancongan di Kuala Lumpur dan di seluruh negara. Harga *Passport to Kuala Lumpur* ialah RM18 senaskhah.



Tan Sri Dato' Kamaruzzaman memukul gang tanda Buku Penerangan *Passport to Kuala Lumpur 2000* dilancarkan



Tan Sri Dato' Kamaruzzaman (tengah) melihat Buku Penerangan selepas dilancarkan

DARI MEJA EDITOR


Warga kota perlu mengikis anggapan bahawa tugas pembangunan, kesihatan, pembersihan, penyelenggaraan sungai, jalan raya, perumahan dan menjaga keindahan Kuala Lumpur terletak di bahu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) semata-mata.

Zaman telah banyak berubah berbanding satu atau dua dekad lalu. Penguatkuasaan undang-undang tidak memadai untuk membanteras kegiatan penjaja tanpa lesen, vandalisme, membuang sampah ke dalam sungai dan antisosial yang lain. Sebaliknya, ia menuntut agar semua pihak yang terlibat bukan sahaja DBKL, malah warga kota, firma swasta dan badan-badan kerajaan menggembleng tenaga dan memainkan peranan yang sama penting untuk mencapai matlamat tersebut.

Dalam hubungan ini, semua pihak perlu memainkan peranan yang sama memberi pandangan ke arah memantapkan Kuala Lumpur sebagai Bandar Raya Dalam Talian dan Bandar Raya Taman Bercahaya serta mewujudkan masyarakat yang prihatin. Penyertaan semua pihak sangat berfaedah untuk menyalurkan banyak idea yang berfaedah untuk dipraktikkan dan peranan mereka menjadi contoh kepada pihak lain.

DBKL juga peka tentang kepentingan mengurus alam sekitar. Masalah ini boleh ditangani dengan adanya perhubungan semua pihak yang berkaitan seperti agensi kerajaan, individu, masyarakat dan sektor swasta terutama pengilang dan peniaga yang memperoleh keuntungan lumayan daripada usaha perdagangan dan perniagaan. Kerjasama semua pihak ialah tuntutan yang hakiki untuk pengurusan alam sekitar yang berkualiti.

Tanggungjawab membangun Kuala Lumpur ialah tanggungjawab bersama. Jika ada kerjasama antara semua pihak, besar kemungkinan kebersihan dan keindahan Kuala Lumpur kekal terpelihara pada tahap yang memuaskan. Jika tidak ada kerjasama sebaliknya cenderung menyalahkan orang lain, mungkin akan menjadi beban yang berat kepada semua orang.



Penasihat :

Tuan Hj. Izman Bin Hj. Ismail

Editor:

Sariffuddin Bin Ibrahim

Sub Editor :

Zainon Binti Haji Alias

Gawre a/p Naidu

(Pelatih UUM)

Jurufoto :

Mubarak Bin Mohd Atan

Abd. Rhani Bin Md. Shohor

Md. Ismail Bin Isnin

Edaran:

Ramlan Bin Salleh

Alamat Editor

Warta DBKL, Bahagian Hal Ehwal Awam,

Jabatan Pengurusan Organisasi,

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Atau berhubung dengan

Zainon Binti Haji Alias

Tel: 03-2691 6011 samb. 3855

Faks: 03-2698 0460

PERHATIAN

Semua pendapat dan buah fikiran dalam Warta DBKL

tidak semestinya pendapat rasmi Pentadbiran

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Cetakan

Percetakan Nasional Malaysia Berhad

Jalan Chan Sow Lin

50554 Kuala Lumpur

Laman Web DBKL: <http://www.tm.net.my/dbkl/>

E-Mel: dbkl_pro@tm.net.my